

# Matlamat Pendidikan Moral: Suatu Penilaian Terhadap Matlamat Projek Pendidikan Moral Di Malaysia.

Dr. Abd. Rahman Md. Aroff  
Jabatan Pendidikan  
Universiti Pertanian Malaysia

This paper discusses several specific aims of moral education, and appraises the objectives of the Moral Education Project in Malaysia. It is felt that inclusion by the Malaysia Moral Education Project of some of the aims, discussed in this paper, into its existing set of objectives could enhance the comprehensiveness and adequacy of the Project's Moral Education objectives.

## Matlamat-Matlamat Pendidikan Moral

Pendidikan moral sepatutnya mempunyai matlamat keseluruhan seperti berikut: Perkembangan individu-individu yang berautonomi serta mempunyai sikap altruisme (sikap mengutamakan kesenangan orang lain) yang, sebagai ejen-ejen moral dan mempunyai daya pemahaman tentang cara pemikiran moral, akan bertindak dengan adil serta memberi sumbang kepada penubuhan dan pemeliharaan satu aturan atau sistem sosial moral dalam negara di mana agen-agen itu, sebagai individu dan juga sebagai ahli masyarakat, akan memperolehi kehidupan moral yang sebaik-baiknya dalam dunia yang sentiasa berubah dengan cepat ini. Matlamat keseluruhan pendidikan moral ini boleh diterangkan lagi dan lebih bermakna jika ia dipandang mengikut matlamat-matlamat tertentunya terutama sekali:

- (a) untuk menyampaikan kepada murid beberapa pengetahuan fakta yang perlu dan relevan sebagai asas dalam membuat keputusan-keputusan dan pertimbangan-pertimbangan moral;
- (b) untuk menambahkan kesedaran dan pemahaman murid tentang peraturan-peraturan masyarakat, serta segala sifat-sifat murni dan baik (virtues) yang semuanya diingini, diterima dan dipuji dari segi moral;
- (c) untuk mengembangkan kemahiran murid menggubal prinsip-prinsip moral, dan juga menggunakan prinsip-prinsip itu dalam situasi-situasi tertentu;
- (d) untuk membolehkan murid secara bebas membuat keputusan-keputusan dan pertimbangan-pertimbangan moral yang rasional dan betul, serta membentarkan murid berfikir dan menilai keadaan sekeliling walaupun ini akan membawa murid-murid mengkritik peraturan-peraturan dan/atau prinsip-prinsip yang sedia ada;
- (e) untuk menyuburkan emosi moral atau sentimen perikemanusiaan murid supaya mereka menjadi penyayang, bersikap belas kasihan, dan sebagainya; dan
- (f) untuk menggalak dan memerangsang murid agar mereka secara sukarela, bertanggungjawab, dan sengaja atau bersungguh-sungguh bertingkahlaku dan bertindak mengikut apa yang mereka pertimbang atau memikirkan dan merasai sebagai baik, mulia dan benar dari segi moral.

Mengapa matlamat-matlamat pendidikan moral di atas patut digubal sedemikian rupa akan dijelaskan dalam perbincangan berikut.

Terdapat satu perhubungan antara pertimbangan moral (moral judgement) dan tingkahlaku moral. Roger Staughan (1982a) menyimpulkan bahawa kemoralan mesti berkaitan dengan bagaimana seseorang itu sebenarnya bertingkahlaku serta bagaimana dia berfikir. Tanpa pertimbangan rasional dan bebas, tingkahlaku tidak bermakna tindakan moral, jika tingkahlaku itu hanya merupakan pengakuran dan ketaatan membabi buta terhadap autoriti. Banyak bahaya dan akibat-akibat yang tragik boleh mengekori jika seseorang itu hanya berserah kepada autoriti dominan. Selain daripada melemahkan autonomi dan kebebasan individu, pengakuran dan ketaatan kepada autoriti atau pihak yang berkuasa tanpa pemikiran boleh menyebabkan seseorang itu meninggalkan tanggungjawab moralnya, dan yang demikian melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ukuran-ukuran nilai hati nuraninya. Misalnya, kita percaya ramai askar-askar Amerika Syarikat akan berkata bahawa kebanyakan perbuatan mereka di Vietnam adalah salah dari segi moral. (Di Vietnam ramai orang-orang awam, kanak-kanak dan kaum wanita, telah menjadi mangsa perang, dan terdapat ramai juga anak-anak haram). Akan tetapi, apabila ditanya mengapa mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang terkutuk itu (iaitu membunuh orang-orang awam yang tidak berdosa di Vietnam) mereka akan berkata bahawa itu adalah tanggungjawab pemerintah mereka, bukan tanggungjawab moral mereka — mereka hanya menjalankan tugas. Walau apa sekali pun, supaya setiap tindakan yang dilakukan berakurasi kepada autoriti boleh diterima sebagai kelakuan moral, tindakan itu mestilah juga dipilih secara bebas dan dijalankan secara sengaja dan sukarela sebagai gerakbalas terhadap dorongan-dorongan moral yang diterima. Oleh itu perkembangan taakulan moral yang membawa kepada penghasilan keputusan-keputusan dan pertimbangan-pertimbangan yang betul atau benar adalah matlamat penting pendidikan moral. Yang demikian matlamat (d) di atas perlu diterima.

Tetapi taakulan moral tanpa diekori dengan tindakan sewajarnya akan merupakan hanya ‘cakap kosong’ sahaja. Lebih malang lagi, seseorang itu boleh berfikir dan berfikir tetapi tetap menjadi orang yang jahat dan tidak bermoral (M. Black, 1972). Sebagai satu contoh, bangsa Jerman boleh dianggap sebagai bangsa yang bertamaddun, mempunyai tokoh-tokoh terkemuka di dunia dalam semua bidang falsafah dan sains. Tetapi mereka jugalah yang telah menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Yang demikian, untuk menjamin bahawa pemikiran-pemikiran moral murid diterjemah atau dipindahkan kepada tindakan-tindakan dan kelakuan-kelakuan yang baik, betul dan bermoral, matlamat (f) di atas pun diperlukan. Keperluan ini bertambah mendesak jika, seperti yang didakwa oleh Roger Straughan (1982b), terdapat apa yang dikatakan ‘kelemahan moral’ (iaitu tidak melakukan apa yang sepatutnya dilakukan). Selepas memeriksa beberapa hujah yang menyokong dan yang menentang kemungkinan adanya kelemahan moral, Straughan telah menunjukkan bahawa hujah yang menentang adalah tidak memuaskan. Beliau berkata bahawa kelemahan moral boleh dan memang pun berlaku, iaitu, dari segi logik dan empiris, memang ada kemungkinan bagi seseorang individu bertindak atau berkelakuan lain daripada apa yang ia fikirkan atau percaya patut ia lakukan.

Apa yang telah dicatitkan dengan ringkas setakat ini boleh dianggap sebagai memadai dalam mewajarkan matlamat-matlamat pendidikan moral (d) dan (f) yang dikemukakan di atas.

Sekarang akan diterangkan satu lagi dimensi kemoralan dan perkembangan moral, iaitu, aspek emosi atau sentimen moral. Mengenai kepentingan emosi moral, iaitu matlamat (e) di atas, pendapat Joel Kupperman (1983) boleh dibentangkan. Beliau berkata bahawa peranan kepekaan dan simpati dalam etika biasanya diabaikan. Ini adalah gejala kecenderungan menggunakan akal dan taakulan berlebih-lebihan dalam membuat pertimbangan moral.

Orang yang melakukan tindakan tidak bermoral mungkin atau mungkin tidak lebih bodoh daripada orang biasa, tetapi selalunya orang yang tidak bermoral itu memang kurang sensitif terhadap perasaan, pengalaman, penderitaan dan akibat-akibat lain ke atas mangsa-mangsa perbuatannya yang jahat itu. Yang demikian kepekaan dan memandang penting kepada keperluan-keperluan orang lain sepatutnya juga menjadi matlamat utama pendidikan moral. Adalah mustahak menolong murid mempunyai rasa tentang bagaimana orang lain terjejas oleh kerana beberapa perbuatan tidak bermoral, dan mengambil berat tentang pengalaman-pengalaman mangsa yang terlibat itu.

Berikut akan dibincangkan pula matlamat-matlamat (b) dan (c), terutama sekali matlamat (b). Sebenarnya ada susunan tertentu dalam perkembangan matlamat-matlamat dari (b) ke (d).

Selepas diberitahu apakah peraturan-peraturan sosial komunitinya, dan apakah ciri-ciri keperibadian yang dianggap bersifat mulia (matlamat b), barulah boleh murid diajar bagaimana menggubal dan menggunakan prinsip-prinsip moral (matlamat c) dan, akhirnya, mencapai autonomi moral (matlamat d). Dalam perkataan-perkataan lain, mengikut William Frankena (1976), adalah rumit memikirkan bagaimana autonomi moral murid boleh berkembang tanpa guru terlebih dahulu mengenalkan kepada murid peraturan-peraturan atau nilai-nilai moral. Ini seperti guru cuba mengajar bahasa tanpa memperkenalkan kepada murid penulisan-penulisan dan sastera-sastera dalam bahasa itu, atau mengembangkan cara dan pandangan saintifik tanpa mengajar sains. Frankena memberi satu lagi sebab mengapa autonomi moral, seperti yang terkandung dalam matlamat (d), tidak boleh diperkenalkan di peringkat awal dalam pendidikan moral murid yang masih kecil. Ini disebabkan oleh umur atau keadaan perkembangan mental murid tersebut. Frankena berkata bahawa autonomi moral hanya boleh diperkenalkan kepada murid yang sudah mencapai sekurang-kurangnya umur taakulan. Sesungguhnya, seperti R.F. Atkinson (1965) telah berhujah, memang sukar, bahkan mustahil, hendak memberi penerangan rasional atau melibatkan diri dalam perbualan kritis (tentang isu-isu moral) dengan murid yang masih muda atau kecil. Yang demikian matlamat (b) adalah matlamat penting sebelum boleh tercapai matlamat-matlamat lain, iaitu matlamat-matlamat (c) dan (d), dalam pendidikan moral kanak-kanak sekolah.

Kita bersimpati dengan mereka yang menentang kemasukan matlamat (b) atas alasan bahawa matlamat ini boleh dianggap sebagai menyokong tradisionalisme dalam kemoralan. Jenis kemoralan ini mengandungi banyak kelemahan. Tradisionalisme dalam kemoralan biasanya dikaitkan dengan sosialisasi dan latihan moral yang melibatkan indoktrinasi, bersifat autoritarian atau menyokong prinsip yang mengutamakan taat setia kepada pihak yang berkuasa, dan tidak menggalakkan pemikiran dan autonomi moral. Walau bagaimanapun, keperluan dan kepentingan matlamat (b) adalah satu fakta atau kenyataan, dan, apabila dipertimbangkan, kemasukan matlamat ini boleh disokong, tetapi hanya atas syarat bahawa ia diajar secara positif dalam konteks matlamat (d). Dalam perkataan-perkataan lain, sebelum taakulan murid kecil berkembang ke peringkat yang mencukupi dan yang membolehkan murid itu memikirkan tentang peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip kemoralan, proses sosialisasi, latihan moral dan penggunaan kaedah-kaedah pendidikan moral yang bersifat pra-rasional bolehlah dibenarkan. Dengan sentiasa memberi perhatian kepada matlamat (d) dan taakulan serta autonomi murid, setakat yang mungkin, boleh dianggap bahawa dalam mencapai matlamat (b) indoktrinasi tidak terlibat. Yang demikian, jika perlu dibuat pernyataan-pernyataan tambahan mengenai matlamat (b) berhubung dengan matlamat (c) dan terutama sekali matlamat (d), bolehlah dikatakan bahawa matlamat (d) sepatutnya dianggap sebagai matlamat terakhir pendidikan moral, sementara matlamat (b) dipertimbangkan sebagai perantisan yang sangat perlu untuk kematangan moral (N. Bull, 1969) atau sebagai suatu pra-syarat dalam urusan pendidikan moral (J. Wilson, 1967).

Mungkin juga benar jika dikatakan bahawa matlamat (b) adalah objektif pendidikan moral di peringkat awal, sementara matlamat-matlamat (c) dan terutama sekali (d) adalah objektif-objektif pendidikan moral di peringkat-peringkat yang lebih tinggi.

Untuk sekurang-kurangnya dua sebab adalah baik juga disokong matlamat (a). Pertama, seperti matlamat-matlamat (b) dan (c), matlamat (a) boleh dijadikan asas bagi keputusan-keputusan dan pertimbangan-pertimbangan moral seperti yang ditanggap dalam matlamat (d). Mengajar tentang pengetahuan-pengetahuan atau maklumat-maklumat tertentu adalah sebahagian penting pendidikan moral, kerana murid tidak boleh membuat pertimbangan-pertimbangan moral yang baik tanpa suatu asas pengetahuan yang nyata atau maklumat fakta yang teguh. Contoh-contoh pengetahuan fakta yang murid perlu mempunyai sebelum boleh membuat pertimbangan-pertimbangan moral adalah banyak. Jack Fraenkel (1980) menyebut tentang pengetahuan-pengetahuan fakta berkaitan dengan bagaimana manusia bertingkahlaku, apakah faktor-faktor atau sebab-sebab mengapa kelakuan manusia berbeza, dan apakah harapan, tekanan dan jangkaan sesuatu komuniti terhadap ahli-ahlinya dari segi sosial, moral, menurut undang-undang dan sebagainya. Straughan (1982a) sependapat dengan Fraenkel. Misalnya, Straughan hendakkan murid diberitahu tentang keselamatan di rumah, di sekolah dan di jalan raya, kerana perbuatan seseorang murid dalam hal ini boleh dengan mudah meninggalkan kesan atas kehidupan orang lain dan atas dirinya sendiri. Kanak-kanak sekolah perlu menambahkan pemahaman mereka tentang mengapa tingkahlaku manusia berlainan dalam keadaan yang berbeza, supaya kanak-kanak itu dapat menduga perasaan atau reaksi orang lain dan diri mereka sendiri. Penting juga murid menyedari perbezaan di kalangan manusia supaya perlakuan murid itu terhadap orang lain dan pengertiannya tentang kebijakan manusia adalah sihat dan menggalakkan. Senarai pengetahuan fakta ini sebenarnya boleh diteruskan lagi, tidak terhad; kerana semua maklumat dan pengetahuan adalah menguntungkan kanak-kanak sekolah, sebagai agen-agen moral, dalam membuat pertimbangan-pertimbangan moral.

Keduanya, kita boleh juga berkata bahawa maklumat dan pengetahuan fakta memberi faedah dalam membantu murid menyuburkan emosi dan sentimen moralnya. Pengetahuan fakta yang boleh digunakan untuk mengajar murid supaya mengembangkan emosi moralnya adalah berhubung dengan perkara-perkara seperti ‘kebijakan kemanusiaan’, ‘kesan atas kehidupan orang lain’ dan ‘perasaan dan reaksi orang lain’.

Daripada penjelasan di atas, kita berharap matlamat (a) diterima sebagai salah satu matlamat-matlamat pendidikan moral. Matlamat ini berguna, dan boleh dipertahankan atas sebab bahawa maklumat dan pengetahuan fakta adalah faktor-faktor yang penting diberi perhatian oleh murid dalam mencapai keputusan dan membuat pertimbangan moral yang rasional. Pengetahuan fakta boleh juga memberi sumbangan, atau sekurang-kurangnya mempengaruhi, perkembangan emosi moral murid.

### **Matlamat-Matlamat Pendidikan Moral di Malaysia: Suatu Penilaian**

Banyak yang boleh diperkatakan mengenai projek Pendidikan Moral di Malaysia. Perkara yang boleh diperbahaskan adalah seperti jadual masa mengenalkan matapelajaran ini di sekolah; pendirian penggubal-penggubal projek ini tentang sumbangan pendidikan moral tidak nyata atau tidak formal; kurikulum, iaitu kandungan dan kaedah mengajar, Pendidikan Moral di Malaysia; dan pemilihan serta latihan guru-guru matapelajaran Pendidikan Moral.

Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan memberi komen tentang matlamat-matlamat Pendidikan Moral yang diutarakan oleh mereka yang terlibat dalam projek Pendidikan Moral untuk sekolah-sekolah di Malaysia.

Dalam mendefinisikan ‘pendidikan moral’, projek Pendidikan Moral di Malaysia telah menjadikan Rukunegara Malaysia sebagai perkara asas atau sumber yang penting. Penggubal-penggubal Rukunegara menyedari bahawa kemoralan adalah tidak sama dengan kepercayaan ugama, taat setia kepada raja dan negara, keutuhan perlembagaan, atau peraturan undang-undang; kerana, dalam Rukunegara, kelakuan baik dan kemoralan dikenalpasti sebagai satu prinsip yang tersendiri. Akan tetapi, mereka yang bertanggung-jawab menyediakan projek Pendidikan Moral di Malaysia nampaknya telah tidak membezakan kemoralan daripada komponen-komponen atau prinsip-prinsip Rukunegara yang lain, yang kesemuanya, sebenarnya, adalah bentuk-bentuk perintahan atau peraturan sosial. Ini ditunjukkan oleh fakta bahawa dalam **Draf Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral** (1978) dan **Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah: Pendidikan Moral** (1983) untuk sekolah-sekolah di Malaysia, ‘pendidikan moral’ dilihat sebagai penghayatan nilai-nilai yang selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara (lihat Appendix-Appendix B, C dan D). Dalam dokumen **Draf Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral** (lihat Appendix-Appendix A dan B), istilah seperti ‘inculcation’ dan ‘socialisation’ terdapat juga. Maksud perbincangan ini ialah projek Pendidikan Moral di Malaysia terbuka kepada kritikan bahawa projek itu sendiri adalah tidak boleh diizin atau dibenarkan dari segi moral. Memang payah hendak diwajarkan pendekatan pendidikan moral yang bersifat ‘inculcation’; kerana mengenalkan murid kepada kepercayaan-kepercayaan moral tertentu atas alasan kepercayaan-kepercayaan itu adalah kepercayaan-kepercayaan moral tertentu atas alasan kepercayaan-kepercayaan itu adalah kepercayaan-kepercayaan dominan dalam komuniti di mana murid itu dibesarkan merupakan indoktrinasi moral bukan pendidikan moral (J. Coombs, 1980).

Untuk menguatkan lagi kritikan di atas, boleh dicatatkan bahawa pendidikan moral di Malaysia bertujuan membina satu masyarakat Malaysia yang berdisiplin. (Dalam **Fourth Malaysia Plan 1981-1985** ternyata bahawa “The main objective of ..... moral education and ethics is to build a strong basis for developing a disciplined society”). ‘Masyarakat berdisiplin’ pula dianggap sebagai masyarakat yang “menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, ..... dan bersedia berkhidmat untuk negara”. (**Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran**, 1979). Perlu diingat bahawa orang yang berdisiplin dan yang ikut undang-undang tidak semestinya orang yang bermoral; dan tidak semua pemikiran dan perbuatan yang sesuatu masyarakat itu menilai sebagai baik boleh diterima sebagai baik dan bernilai dari segi moral.

Setakat ini perbahasan di atas nampaknya menunjukkan bahawa projek Pendidikan Moral di Malaysia hendak memajukan **latihan** moral atau pendidikan **sosial**, dan bukan pendidikan moral. Kerana, mengikut Peter Mc Phail (1982), latihan moral atau pendidikan sosial menyampaikan secara sedar atau pun tidak kepada murid tradisi-tradisi, amalan-amalan dan peraturan-peraturan komuniti yang menentukan, menguasai atau mempengaruhi tingkahlaku murid itu. Pendidikan moral, sebaliknya, lebih memberi perhatian kepada kewajipan murid mengawal dan mengembangkan prinsip-prinsip dan tingkahlaku-tingkahlaku tertentu atas sebab prinsip-prinsip dan tingkahlaku-tingkahlaku itu memang bersifat baik tidak kira sama ada dianjurkan atau pun tidak oleh komuniti di mana murid itu berada.

Boleh diterima bahawa kritikan di atas adalah munasabah. Akan tetapi, boleh dibahaskan bahawa latihan moral, pendidikan sosial, sosialisasi dan sebagainya bukanlah tidak berfaedah langsung. Memandangkan keadaan masyarakat Malaysia, adalah penting diberi perhatian di sini salah satu hujah-hujah yang menyokong aspek sosial dalam kemoralan. Masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk yang cuba mencapai perpaduan dan keunggulan-keunggulan demokrasi. Kemungkinan berlakunya perselisihan nilai dan kepentingan antara ahli-ahli daripada bangsa-bangsa dan komuniti-komuniti etnik yang berlainan yang boleh membawa kepada akibat-akibat buruk tetap ada. Oleh itu, penggunaan pertimbangan berdasarkan taakulan dikehendaki, dan sepatutnya dimajukan dalam menyelesaikan perbezaan atau konflik nilai antara orang-orang Malaysia. Akan tetapi,

penggunaan taakulan sahaja mungkin tidak mencukupi dalam mendamaikan konflik atau menambahkan persefahaman, toleransi dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Satu rangka umum atau persetujuan asas mengenai nilai di mana setiap individu di Malaysia boleh menghubungkan diri masih diperlui. Contoh-contoh nilai yang boleh membawa kepada perpaduan serta kestabilan atau memastikan komuniti itu hidup berterusan, dan yang menegakkan demokrasi, adalah nilai-nilai yang berkaitan dengan prinsip-prinsip kebebasan akhbar, kebebasan pertuturan, kebebasan berugama, perlindungan yang sama dari segi undang-undang, ‘satu orang, satu undi’, dan nilai-nilai berkaitan dengan hak-hak mendapat makanan yang agak mencukupi, tempat tinggal yang agak sesuai serta peluang yang sama dalam pendidikan. Nilai moral yang asas ini juga mempunyai matlamat memelihara kemuliaan manusia (J.P. Shaver dan W. Strong, 1982).

Daripada hujah di atas nyatakan bahawa latihan moral dan pendidikan sosial adalah matlamat pendidikan moral yang penting juga. Objektif (i) dalam Appendix C dan objektif (ii) dalam Appendix D menunjukkan kepentingan latihan moral atau pendidikan sosial ini. Penulis juga menyokong matlamat pendidikan ini dengan memasukkan matlamat (b) dalam senarai matlamat-matlamat pendidikan di permulaan kertas ini.

Sebenarnya, sungguh pun latihan moral dan pendidikan sosial ditegaskan, projek Pendidikan Moral di Malaysia tidak pula hendak mengamalkan indoktrinasi di sekolah-sekolah di Malaysia. Pandangan ini boleh dipertahankan, kerana daripada bahan-bahan yang terdapat dalam Appendix-Appendix A-D, terutama sekali objektif-objektif (2), (3), (5) dan (6) dalam Appendix C dan objektif-objektif (iii), (iv) dan (v) dalam Appendix D, projek ini menunjukkan juga kepentingan taakulan moral dan penggunaan prinsip moral, iaitu projek ini berpegang juga kepada apa yang Jerrold Coombs (1980) sebutkan sebagai pendekatan ‘pertimbangan rasional’ dalam pendidikan moral. Kita pula membincangkan matlamat-matlamat pendidikan moral ini dalam matlamat-matlamat (c) dan (d) di atas. Yang demikian, beberapa matlamat pendidikan yang telah disenaraikan di awal kertas ini adalah juga objektif-objektif pendidikan moral yang dikenalpasti oleh projek Pendidikan Moral di Malaysia. Apa yang ingin ditekankan di sini ialah pendekatan ‘inculcation’ (untuk mencapai objektif (i) dalam Appendix C dan objektif (ii) dalam Appendix D) hanya boleh digunakan di peringkat awal persekolahan seseorang murid. Kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan hendaknya janganlah yang boleh membawa kepada berlakunya indoktrinasi yang tidak diingini.

Selain daripada menghargai matlamat-matlamat pendidikan moral yang melibatkan murid sedar dan faham akan peraturan-peraturan, norma-norma dan nilai-nilai masyarakat Malaysia, serta kebolehan murid membuat pertimbangan moral yang rasional, projek Pendidikan Moral di Malaysia menitikberatkan juga tentang perkembangan tingkahlaku dan tindakan moral murid (lihat objektif (4) dalam Appendix C dan objektif (i) dalam Appendix D) sepermata yang telah kita juga tegaskan dalam matlamat (f) di atas. Akan tetapi, dalam Appendix-Appendix C dan D tidak pula terjumpa objektif-objektif yang serupa dengan matlamat-matlamat pendidikan moral (a) dan (e) tadi. Telah ditunjukkan betapa mustahaknya matlamat-matlamat (a) dan (e) itu; oleh itu objektif-objektif projek Pendidikan Moral di Malaysia bolehlah dikatakan tidak begitu lengkap.

Sebagai penutup, atas sebab bahawa matlamat-matlamat (a) dan (e) adalah penting, maka disyorkan mereka yang terlibat dalam projek Pendidikan Moral di Malaysia memberi pertimbangan sewajarnya, dan memasukkan matlamat-matlamat tersebut dalam senarai objektif-objektif Pendidikan Moral di Malaysia. Jika tidak, objektif-objektif Pendidikan Moral di Malaysia terus menerus boleh dianggap sebagai tidak mencukupi dan tidak lengkap atau komprehensif.

#### **Nota**

Pendidikan Moral di Malaysia diberikan hanya kepada murid-murid bukan Islam yang tidak mengikuti pelajaran ugama Islam di sekolah. Dalam konteks inilah kertas ini ditulis, iaitu matlamat-matlamat pendidikan moral yang akan dibincangkan adalah untuk murid-murid bukan Islam di Malaysia.

### Rujukan

- Atkinson, R.F. 'Instruction and indoctrination'. Dalam Archambault, R.D. (Ed.) *Philosophical Analysis and Education*. London: Routledge and Kegan Paul. 1965 m.s. 171-183.
- Black, M. 'Reasonableness'. Dalam: Dearden, R.F., Hirst, P.H. dan Peters, R.S. (Eds.) *Education and the Development of Reason*. London: Routledge and Kegan Paul. 1972 m.s. 194-207.
- Bull, N.J. *Moral Education*, London: Routledge and Kegan Paul. 1969.
- Coombs, J.R. 'Attainments of the morally educated person'. Dalam: Cochrane, D.B. dan Manley-Casimir, M. (Eds.) *Development of Moral Reasoning*. New York: Praeger Publishers. 1980 m.s. 14-29.
- Fraenkel, J.R. 'Goals for teaching values and value analysis'. *Journal of Research and Development in Education*, vol. 13, no. 2 1980 m.s. 94-102.
- Fraenkel, W.K. 'Moral education'. Dalam: Goodpaster, K.E. (Ed.) *Perspectives on Morality: Essays of William K. Frankena*. Notre Dame, Indiave: University of Notre Dame Press. 1976 m.s. 161-167.
- Government of Malaysia: *Fourth Malaysia Plan 1981-1985*. Kuala Lumpur: National Printing. 1981.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Draft of the Moral Education Syllabus*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum. 1978.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1979.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah: Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1983.
- Kupperman, J.L. *The Foundations of Morality*. London: George Allen and Unwin. 1983.
- McPhail, P. *Social and Moral Education*. Oxford: Basil Blackwell. 1982.
- Shaver, J.P. dan Strong, W. *Facing Value Decisions: Rationale-Building for Teachers*. Sec. ed. New York: Teachers College Press. 1982.
- Straughan, R. *Can We Teach Children To Be Good*, London: George Allen and Unwin. 1982a.
- Straughan, R. *I Ought To But .....* Windsor. Berks: NFER-Nelson. 1982b
- Wilson, J., Williams, N. dan Sugarman, B. *Introduction to Moral Education*. Harmondsworth: Penguin Books Limited. 1967.

### APPENDIX A

#### **The 1978 Draft of the Moral Education Syllabus for Malaysian Schools: Introduction**

Throughout the world and in Malaysia in particular, there is now a growing concern regarding the decline in moral standard as observed in instances of indiscipline in schools, truancy, disrespect for elders, vandalism and increase in crime, destructive demonstrations, drug abuse and violation of individual and societal rights and liberties.

In rapidly changing modern societies, various influences, compete and conflict with the traditional norms, principles and values. Citizens, therefore, need guidelines that would provide them with positive alternatives for moral action.

For Malaysia, in particular, moral education is seen as a means to maintain and upgrade the moral standard of the society. Upholding the practising moral values and making rational decisions concerning moral issues are essential components of national development. Such a strengthening of the moral fibre of the nation can form the basis for political, economic and social stability as well as unity within the context of a plural, multi-racial, multi-cultural, multi-religious and democratic society.

The school is one of the powerful agencies in the process of socialisation of the child. It has to play its role alongside other social institutions: the family, peer groups, religious groups and voluntary organisations. As an institution of socialisation, the school is a transmitter of values as well as an agent of change.

The school plays a vital role in the inculcation of moral values acceptable to and desired by Malaysian society. Opportunities for experiences and activities pertaining to moral issues can be provided at both the formal levels within the existing school structure.

These experiences and activities can identify, clarify and demonstrate moral issues overtly or otherwise. The essence of such a programme is geared towards the internalisation of moral values arrived at through the processes of rational thinking.

The present school curriculum does not make provision for such opportunities, hence the need for a systematically designed sequence of learning experiences that would cater for children of diverse cultural backgrounds, interests and abilities at the different levels of schooling.

## APPENDIX B

### **The 1978 Draft of the Moral Education Syllabus for Malaysian Schools: Definition**

“Pendidikan akhlak ialah satu program yang formal dan tidak formal bertujuan untuk menanamkan pada murid-murid nilai-nilai akhlak yang universal, selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara, supaya mereka dapat memberi sumbangan kepada kebaikan masyarakat dan negara”.

The programme constitutes a planned sequence of experiences and activities, both formal and informal, to be implemented within the existing school structure.

The programme aims to assist pupils to identify, clarify, and internalise certain values.

These values will be based on the religious, traditions and values of multi-racial Malaysian society as well as universal moral values that are in accordance with the principles of the Rukunegara (National Ideology).

The internalisation of these moral values would enable the pupils to become responsible decision-makers pertaining to moral issues such that their actions are governed by moral principles in all situations.

This is seen as an essential contribution towards the development of a united Malaysian nation within the context of the plural, multi-racial, multi-cultural, multi-religious and democratic society.

## **APPENDIX C**

### **The 1978 Draft of the Moral Education Syllabus for Malaysian Schools: Objectives**

#### **The Overall Objective:**

The development of an individual who recognises, accepts and internalises his role as a responsible decision-maker pertaining to moral issues in a democratic society such that his actions are governed by moral principles in all situations.

#### **The General Objectives:**

- (1) To be aware of existing norms and values of the Malaysian society and their influence on the conduct of the individual, community and society.
- (2) To develop moral attributes and principles as a basis for developing the moral maturity of the individual.
- (3) To make moral judgements based on acquired principles.
- (4) To translate moral judgements into moral action.
- (5) To be able to give reasons for making a moral decision.
- (6) To bring rational thinking to bear upon the inter-action among different moral principles and values.

## **APPENDIX D**

### **Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah: Pendidikan Moral**

#### **A. Pendahuluan**

..... Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral ..... mengandungi ..... nilai ..... berdasarkan agama, tradisi dan norma Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum serta norma kemanusiaan sejagat, yang sesuai dengan prinsip RUKUNEGARA.

#### **B. Objektif Pendidikan Moral**

Pendidikan Moral bertujuan untuk membentuk murid supaya berperibadi mulia dan boleh membuat keputusan yang bertanggungjawab berdasarkan nilai moral diri, keluarga, komuniti dan masyarakatnya.

Objektif khusus Pendidikan Moral adalah untuk membolehkan murid:

- i. mengamalkan tabiat dan tingkahlaku yang selaras dengan sikap dan nilai moral;
- ii. menyedari tentang nilai yang sedia ada dalam masyarakat di sekelilingnya;
- iii. mempunyai nilai moral sebagai asas memperkembangkan kematangan pemikiran;
- iv. membuat pertimbangan sebelum mengamalkan sesuatu tingkahlaku, berdasarkan prinsip moral; dan
- v. mengemukakan sebab yang rasional dalam membuat sesuatu keputusan yang berkaitan dengan isu moral.